

# Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 (KL International Book Fair)

**Wan Zumusni Wan Mustapha (Dr.)**

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban

Setelah dua tahun ditunda, akhirnya Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 kembali lagi. Acara ini telah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dengan kerjasama enam persatuan industri buku Malaysia. PBAKL merupakan acara utama dalam kalendar global penerbitan bagi setiap tahun. Ia dianggap umpama Hari Raya untuk penulis-penulis buku di Malaysia. Acara yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra ini telah bermula 3 sehingga 12 Jun 2022, iaitu selama sepuluh hari.



Dr Wan Zumusni Hj. Wan Mustapha telah mewakili 10 orang penulis buku kisah hidup (BKH 2021) di Sesi Rehat dan Baca, Ruang Legar, Aras 4, WTCKL pada 12 Jun 2022 untuk mempromosikan buku-buku kisah hidup, buku yang ditulis bersama Karyawan Guru dan juga hasil penulisan buku-bukunya yang lain. Antara aktiviti menarik yang diadakan pada Sesi Rehat dan Baca tersebut ialah:

1. Hadiah duit raya dari penulis buku solo
2. Diskaun pembelian buku dari penulis buku solo
3. Pembelian buku secara kombo
4. Setiap buku akan ditandatangani oleh penulis buku solo
5. Sesi soal jawab mengenai cabaran dan motivasi menulis buku kisah hidup
6. Pemberian hadiah berbentuk buku daripada penulis-penulis buku solo
7. Pelbagai hadiah cabutan bertuah untuk pengunjung
8. Peluang untuk bertemu dengan penulis-penulis buku solo secara *in person*